

1103/ 2  
Bahasa  
Melayu  
Oktober  
2007  
2 ½ Jam

**JABATAN PELAJARAN TERENGGANU**  
*DENGAN KERJASAMA*  
PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA  
CAWANGAN TERENGGANU

**PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2007**  
**TINGKATAN 4**

---

**BAHASA MELAYU**

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI**  
**SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 11' halaman bercetak

**Soalan 1 : Rumusan**

[30 markah]

**Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian buat satu rumusan tentang objektif kerajaan melaksanakan projek pembangunan hartanah dan implikasi pelaksanaannya. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 perkataan.**

Usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia destinasi hartanah antarabangsa sememangnya kena pada masanya. Ketika negara-negara sedang membangun lain rancak menggunakan pendekatan untuk menarik pelaburan asing, Malaysia juga tidak mahu ketinggalan. Asas ekonomi yang semakin kukuh menyakinkan kerajaan untuk melaksanakan antara lain projek-projek hartanah yang dijangka membawa masuk pelaburan asing sebanyak RM20 bilion.

Semestinya pelaksanaan projek-projek seumpama itu ibarat serampang dua mata. Pelaksanaan projek-projek ini bukan sahaja bertujuan merangsang aliran masuk pelaburan asing malah menyediakan pelbagai peluang pekerjaan kepada rakyat negara ini sekali gus menurunkan graf pengangguran. Selain itu, pelaksanaannya juga pasti menghidupkan industri hiliran lain yang mempunyai hubung kait dengan pasaran seperti perbankan dan guaman. Walaupun hasilnya hanya boleh dilihat dalam tempoh 10 tahun akan datang, namun perlu diakui hal ini mampu menjana pertumbuhan lebih pesat serta memberi kesan berganda kepada ekonomi negara secara umum.

Ketika kerajaan menjangkakan pelaksanaan projek pembangunan hartanah itu mampu menarik pelaburan asing, rakyat negara ini mesti menyiapkan diri dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran. Hal ini penting untuk memastikan setiap peluang yang terbit daripada projek-projek tersebut dapat dimanfaatkan oleh penduduk tempatan tanpa perlu bergantung kepada kepakaran asing. Semestinya kita tidak mahu pelaksanaan projek-projek yang menelan belanja besar itu kelak menguntungkan orang luar semata-mata hanya kerana rakyat negara ini tidak berdaya saing.

Budaya sektor pembinaan negara yang kini amat bergantung kepada buruh asing perlu diubah dan perubahan ini hanya boleh dilaksanakan menerusi kesedaran dalam kalangan penduduk tempatan untuk menyertai industri tersebut. Penduduk tempatan perlu bersedia untuk berubah dan merebut peluang yang terbentang di hadapan mata.

Tidak ada gunanya jika kerajaan bersungguh-sungguh merangka projek untuk menarik kemasukan pelabur asing, sedangkan minda rakyat masih di takuk lama iaitu *enggan mengotorkan tangan* untuk kerja-kerja kasar di sektor hartanah. Pelaksanaan pelan koridor ekonomi wilayah timur dan utara mesti menjadi penjana kekayaan rakyat di negara ini sekali gus membantu meningkatkan taraf hidup masing-masing. Projek-projek mega seperti Wilayah Pembangunan Iskandar seharusnya turut dilihat sebagai peluang untuk membaiki kedudukan ekonomi rakyat selain meraih keyakinan pelabur asing untuk melabur di negara ini.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada  
"Tenaga Kerja Tempatan Jayakan  
Projek Hartanah," *Utusan Malaysia*  
3 Jun 2007)

**Soalan 2 : Pemahaman****Soalan 2 (a) Petikan Umum**

*Berdasarkan petikan Soalan 1 di atas, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

- (i) Berikan maksud rangkai kata *enggan mengotorkan tangan*. [2 markah]
- (ii) Mengapakah rakyat perlu menyiapkan diri dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran untuk merebut peluang pembangunan di negara kita? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, bagaimanakah kerajaan boleh mengurangkan kemasukan tenaga kerja asing ke negara kita? [4 markah]

**Soalan 2(b) Petikan Drama**

*Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

PEGAWAI: Aku dapat tahu orang-orang di sini membuat perkumpulan, persatuan, mahu melawan kerajaan. Orang-orang bodoh ini mesti dihukum.

ORANG TUA: Apalah gunanya dihukum orang-orang bodoh tuan?

PEGAWAI: Orang-orang itu mesti ditangkap, supaya dia tidak membodohkan orang-orang lain lagi.

GADIS: Bodohkah orang-orang yang mahu merdeka?

PEREMPUAN TUA: (*takut*) Ya, tuan. Budak-budak ini semua bodoh, tuan, bodoh.

PEGAWAI: (*Pada gadis*) Apa kata kau? Merdeka? Merdeka?

Ha, ha, ha, ha, ha! Buat pensel sebatang belum tahu lagi sudah mahu merdeka! Tangkap semua itu orang yang mahu merdeka!!

ORANG MUDA: Tuan, kalau kita sudah merdeka nanti *kita akan dapat membuat semua yang kita mahu*. Sekarang kita tak boleh, tak diberi peluang, tak diajar.

PEGAWAI: Tak diberi peluang? Tak diajar? Kurang ajar kau! Kau tidak tahu lagi apa jasa Inggeris pada negara kita ini. Kau tidak tahu lagi orang muda??

PEREMPUAN TUA: Budak-budak ini memang kurang ajar, tuan, Tolonglah, tuan!

PEGAWAI: Bandar-bandar sudah dibuka, hospital-hospital, sekolah-sekolah. Anak negeri sudah menjadi bertambah-tambah ramai. Semua untuk kebaikan negeri. Pemerintahan Inggeris adil. Semua orang suka hati.

ORANG TUA: Semua orang?

PEGAWAI: Ya, semua orang yang berakal. Orang-orang tolol sahaja yang tidak suka kepada kerajaan Inggeris. Orang-orang tolol seperti yang ada di kampung ini.

PEREMPUAN TUA: Tuan! Saya suka hati, tuan. Saya suka hati tuan. Saya suka hati, tuan!

ORANG MUDA: (*Tegas*) Tapi bukan di kampung ini sahaja ada persatuan menentang penjajahan. Di seluruh kampung dalam negara kita ini orang sudah sedar dan mahu bersatu menentang penjajahan.

(Dipetik daripada drama “Titik-Titik Perjuangan,” karya Kala Dewata dalam antologi *Anak Laut*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah maksud *kita akan dapat membuat semua yang kita mahu* dalam petikan di atas ?  
[ 2 markah ]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan penjajahan terhadap rakyat sesebuah negara ?  
[ 3 markah ]
- (iii) Nyatakan **dua** pengajaran yang dapat dipetik dalam petikan di atas dan **dua** pengajaran lain yang terdapat dalam drama ini.  
[ 4 markah ]

**Soalan 2 (c) Petikan Prosa Klasik**

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka Laksamana pun lelah terdiri di atas talam itu. Maka Hang Jebat pun berbangkit lalu berdiri. Maka kata Hang Jebat, "Hai Laksamana, apa perimu akan membunuh aku?" Maka Laksamana pun berkata, "Hai Si Jebat, bahawa tiada dengan kuasaku membunuh engkau; Bahawa Tuhanku yang amat kuasa membunuh engkau! Insyallah Taala, mati juga engkau dalam tanganku." Maka kata Hang Jebat, Hai Laksamana, sungguh-sungguh rupanya engkau hendak membunuh aku! "Maka kata Laksamana, "Mengapatah maka tiada sungguh? Jika tiada engkau mati olehku, aku mati olehmu, maka sudahlah pekerjaan ini. "Maka Hang Jebat pun memekik, katanya, "Cih! Si Jebat dengan Si Tuah hulubalang raja Melaka mati tiada berguna! Jika Si Jebat dengan Si Tuah gerangan dititahkan raja Melaka menyerang negeri orang, aku dua orang itu pun alah. " Maka kata Laksamana, Sungguh seperti katamu itu; pada hatiku pun demikianlah. Sayang engkau berdosa. Jika lain daripada dosa ini, tiada engkau mati, barang tipunya dayaku pun kuperlepaskan juga engkau daripada mati. "Maka Hang Jebat pun menangis mendengar kata Laksamana demikian itu. Maka Laksamana pun menangis kasihan hatinya akan Hang Jebat. Maka kata Hang Jebat, "Aku pun kerana-melihat engkau dibunuh oleh bendahara tiada dengan dosanya; sebab itulah maka sakit hatiku. Akan istimewa aku pula orang permainan tiada akan dibunuhnya, kerana raja itu membunuh tiada dengan periksananya. Pada bicara hatiku, sedang engkau banyak kebaktianmu dan jasamu lagi dibunuhnya oleh raja, istimewa aku pula. Sebab pun kuperbuat demikian ini, sepala-pala nama jahat jangan kepalang, seperti pantun Melayu, rosak bawang ditimpa jambaknya; maka sempurnalah nama derhaka dan nama jahat. "Maka kata Laksamana, "Sungguh seperti katamu itu, tetapi akan kita diperhamba raja ini hendaklah pada barang sesuatu pekerjaan itu bicarakan sangat-sangat, seperti kata orang tua-tua: Baik mati dengan nama yang baik, jangan hidup dengan nama yang jahat, supaya masuk syurga jemah."

(Dipetik daripada "Pertarungan Tuah dengan Jebat," dalam antologi *Anak Laut*, Dewan Bahasa Dan Pustaka )

- ( i ) Apakah maksud rangkai kata "*Jika tiada engkau mati olehku, aku mati olehmu*" dalam petikan di atas ?  
[2 markah]
- ( ii ) Nyatakan sebab-sebab yang menimbulkan kemarahan Hang Jebat sehingga sanggup menderhakai sultan Melaka.  
[3 markah]
- ( iii ) Pada pendapat anda, bagaimanakah cara-cara untuk mengelakkan diri daripada berlakunya pergaduhan?  
[3 markah]

**Soalan 2 ( d ) Petikan Sajak**

*Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Jalan-Jalan Raya Kotaku**

Saban waktu sepanjang perjalanan  
jalan-jalan raya kotaku  
lewat senja begini  
tika gerimis menabur benih  
menerima kehadiran warga kota  
lemas dalam kesabaran  
lelah meresahkan  
dengan luka parah di hati.

ketidaksabaran membengkak  
kesombongan merajai setiap ruang  
semakin padat dengan emosi  
kebosanan menggigit pangkal rasa.

Demikian etika di perjalanan  
budi luhur warga kotaku  
tidak lagi berlaku  
yang hadir ialah keserakahan  
memacu menghimpun kekuatan  
menghakis sopan santun  
seperti banjir kilat  
melanda pinggir perjalanan  
fitrah sang manusia  
peradaban kota masa kini.

Jalan-jalan raya kotaku  
adalah gelanggang kebuasan  
perlumbaan kebiadaban  
para pesakit  
kemanusiaan semakin mandul  
pada penghujung musim.

Zam Ismail  
*Kasut Hitler*, 1996  
*Mingguan Malaysia*, 4Jun 1995  
Dipetik dari Antologi Anak Laut,  
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- ( i ) Apakah maksud *tika gerimis menabur benih* ? [ 2 markah ]
- ( ii ) Mengapakah pengguna jalan raya dikatakan semakin terhakis nilai-nilai kemanusiaannya? [ 3 markah ]
- ( iii ) Nyatakan **empat** persoalan yang terdapat dalam sajak di atas. [ 4 markah ]



**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[ 30 markah ]

*Jawab semua soalan*

(a) *Tulis satu ayat daripada setiap kata di bawah ini untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan nama khas.*

- (i) tinggi
- (ii) meninggi
- (iii) setinggi
- (iv) setinggi-tinggi
- (v) meninggikan
- (vi) ketinggian

[6 markah]

(b) *Tukarkan aya-ayat bersusunan songsang di bawah ini kepada ayat bersusunan biasa tanpa mengubah maksud asalnya.*

- i. Untuk Cikgu Mazlina hadiah itu saya beli sempena sambutan Hari Guru.
- ii. Pada minggu depan, hujan lebat akan melanda sebahagian besar kawasan pantai timur.
- iii. Ketika menonton televisyen dia tidak pernah berasa penat mengunyah makanan.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat dua kesalahan penggunaan ejaan dan imbuhan. Kenal pasti kesalahan-kesalahan itu dan betulkan dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

- (i) Perasaan Hasmah telah terguris setelah beberapa pemuda menyindirnya ketika dia berlalu di kawasan yang sunyi itu.
- (ii) Manusia diseru supaya pohon keampunan daripada Yang Maha Esa agar segala kesalahan yang telah dilakukan diampuninya.
- iii) Pengambilan kolestrol yang berlebihan boleh menyebabkan pesakit lemah jantung.

[6 markah]

(d) *Dalam ayat- ayat di bawah, terdapat kesalahan penggunaan kata atau istilah atau kesalahan tatabahasa. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

- (i) Rakyat Malaysia perlu saling bantu-membantu dalam menjayakan usaha melupakan rasuah.
- (ii) Pejuang Palestin sanggup membiarkan kepentingan diri dan keluarga demi untuk menjalankan tugas mempertahankan negara.
- (iii) Kami menjadi panik apabila sampan yang dinaiki oleh kami tiba-tiba terhuyung-hayang dipukul ombak.

[6 markah]

(e) *Tulis satu ayat bagi setiap peribahasa atau cogan kata di bawah supaya jelas menunjukkan anda faham maksud dan penggunaannya..*

- i. Seperti rusa masuk kampung
- ii. Diam-diam ubi berisi, diam besi berkarat
- iii. Rumah sudah, pahat berbunyi

[6 markah]

**Soalan 4: Novel****[ 15 markah ]**

*Jawab soalan di bawah. Jawapan anda hendaklah berdasarkan satu daripada novel yang berikut:*

- (i) Terminal Tiga karya Othman Puteh
  - (ii) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusuf
  - (iii) Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said
  - (iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari
  - (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussein
  - (vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah
  - (vii) Julia karya Abu Hassan Morad
  - (viii) Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj. Muhammad
- 
- (a) (a) Tulis sinopsis novel yang telah anda pelajari. [7 markah]
  
  - (b) Unsur-unsur nilai murni yang boleh dijadikan iktibar kepada pembaca sering dimuatkan dalam sesebuah novel.  
Huraikan tiga nilai murni yang boleh diteladani oleh pembaca dalam novel yang telah anda kaji. [8 markah]